

**Malaysia Menonjol Di Antara Ekonomi Asia Berikutan Kejayaan Jenama Tempatan
Bernama
17 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Malaysia kini menonjol di antara lain-lain ekonomi Asia terutamanya kerana kejayaan beberapa jenama tempatan di peringkat antarabangsa, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mengaitkan kejayaan itu kepada syarikat-syarikat seperti Petronas, Axiata, Maybank dan AirAsia, beliau berkata ini adalah antara banyak yang lain yang telah merentasi sempadan antarabangsa.

"Aktiviti penjenamaan telah melampaui produk spesifik dan reputasi syarikat kepada reputasi negara secara keseluruhannya. Oleh itu, satu penjenamaan yang kuat sekarang ini adalah negara asal," katanya dalam teks ucapannya di Malam Gala Jenama Paling Bernilai Malaysia 2012 di sini.

Ucapannya dibacakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Muhyiddin berkata kejayaan penjenamaan sesuatu negara memerlukan kerjasama ramai pemimpin utama negara ini, kedua-duanya dalam sektor kerajaan dan swasta.

Akhirnya, kejayaan kempen penjenamaan ini bergantung kepada kualiti produk yang cuba dijual oleh negara serta kemahiran yang diperlukan untuk mengeluarkannya, kata timbalan perdana menteri itu.

Beliau berkata, nilai kesemua 30 jenama di Malaysia juga berjumlah RM80.23 bilion.

Selain itu, Muhyiddin juga menyeru syarikat-syarikat untuk mengambil peluang daripada media sosial sebagai perantara untuk memasarkan jenama mereka kerana adalah lebih efisien untuk berkomunikasi dengan kumpulan sasaran spesifik berbanding kepada pasaran umum.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702815>